

SULIT
2611/1
Pendidikan Seni Visual
Kertas 1

2611/1

2003
1 jam

SEK. MEN. KEB. SAUJANA IMPIAN, KAJANG
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2003
TINGKATAN LIMA

PENDIDIKAN SENI VISUAL

KERTAS 1

TEORI

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kerats ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan
2. Jawab **semua** soalan
3. Setiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan A, B, C dan D. pilih **satu jawapan** yang sesuai dan hitamkan di atas kertas jawapan yang diberi dengan menggunakan pensel 2B

Kertas soalan ini mengandungi 13 0halaman bercetak.


Arahan : Jawab semua soalan. Pilih jawapan paling tepat bagi setiap pilihan jawapan yang diberikan.

- 1 Garisan digunakan untuk menimbulkan pelbagai jenis pergerakan. Garisan yang manakah boleh digunakan untuk menunjukkan pergerakan air dari pancutan air?
 - A Garisan lurus
 - B Garisan bergetar
 - C Garisan bergegar
 - D Garisan berlengkar

- 2 Susunan garisan-garisan yang rapat menimbulkan ton_____
 - A terang
 - B cerah
 - C gelap
 - D pudar


Soalan nombor 3 berpandukan gambarajah di bawah

3



- Gambarajah menunjukkan garisan telah mencipta
- A bentuk
 - B ruang
 - C ton
 - D rupa

Soalan nombor 4 berpandukan ilustrasi diberi



- 4 Pernyataan yang benar mengenai rupa ilustrasi ialah.....
- A Ilustrasi menunjukkan rupa yang negatif
 - B Latar bagi rupa ilustrasi adalah negatif
 - C Ilustrasi menunjukkan rupa flora
 - D Ilustrasi mempunyai rupa tiga dimensi
- 5 Objek-objek di bawah mempunyai jalinan tampak KECUALI
- A Kulit ketam
 - B Kulit buah nanas
 - C Kulit buah tembikai
 - D Kulit buah durian
- 6 Warna yang tidak boleh dihasilkan dengan campuran warna pada Roda Warna ialah
- A Warna asas
 - B Warna sekunder
 - C Warna tertier
 - D Warna penggenap
- 7 Ton warna dapat dihasilkan melalui campuran sesuatu warna dengan warna _____ atau _____
- A kuning, merah
 - B hijau, merah
 - C putih, hitam
 - D hitam, hijau

Soalan nombor 8 adalah berpandukan ilustrasi di bawah

8



Sumber idea untuk menghasilkan rekaan berikut diperolehi daripada bentuk

.....


- A Flora
- B Garisan
- C Burung
- D Geometri

Soalan nombor 9 adalah berpandukan ilustrasi di bawah

9 Ilustrasi berikut menegaskan penggunaan

- A Kontra
- B Imbangan
- C Pergerakan
- D Bentuk

Soalan nombor 10 berdasarkan ilustrasi di bawah



10 Gubahan yang manakah mempunyai nilai kontra


- A I
- B II
- C III
- D IV

- 11 Penegasan digunakan untuk perkara-perkara yang berikut KECUALI
- A mengelakkan kebosanan
 - B menunjukkan kematangan
 - C menarik perhatian
 - D memberikan tumpuan kepada sesuatu perkara
- 12 Bagaimanakah anda dapat menyusun motif-motif corak dengan teratur dan seimbang?
- A menggunakan garisan grid
 - B melakar
 - C menggunakan pembaris
 - D menggunakan nilai-nilai garisan

Soalan nombor 13 berpandukan ilustrasi di bawah

Gambar

13



Apakah nama struktur garisan grid dalam gambar rajah di atas


- A Corak berselang
- B Corak ulangan
- C Sisik ikan
- D Orgee

- 14 Berikut adalah proses menghasilkan sebuah catan lengkap. Pilih yang paling sesuai mengikut susunan.
- A Melukis, melakar, mewarna dan membingkai
 - B Melakar, melukis, mewarna dan membingkai
 - C Mewarna, melakar, melukis dan membingkai
 - D Melakar, mewarna, melukis dan membingkai
- 15 Manakah antara berikut BUKAN teknik catan?
- A Kaedah kering berlegap
 - B Teknik basah atas basah
 - C Teknik basah atas kering
 - D Teknik mengecat
- 16 Risalah, carta, takwin, menu dan sijil terkandung dalam
- A Seni lukis
 - B Seni arca
 - C Seni catan
 - D Seni grafik

Soalan nombor 17 dan 18 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah

Gambar

17




Bahagian manakah paling sesuai diletakkan kandungan bahan pada pembungkusan minuman di atas

- A S
- B P
- C Q
- D R

- 18 Bahagian manakah paling sesuai diletakkan jenama pada pembungkusan minuman tersebut
- A S
 - B P
 - C Q
 - D R
- 19 Manakah antara berikut merupakan elemen-elemen grafik dalam pembungkusan
- I Warna
 - II Muka taip
 - III Reka letak
 - IV Harga
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- 20 Tujuan pembungkusan sesuatu hasil pengeluaran barangan ialah
- I Satu cara pengiklanan hasil pengeluaran
 - II Dapat menarik perhatian pembeli
 - III Memberi perlindungan kepada barangan
 - IV Supaya barang tahan lama
- A II dan III
 - B I, II dan III
 - C IV
 - D Semuanya
- 21 Manakah antara berikut BUKAN jenis cetakan?
- A Cetakan timbulan
 - B Cetakan benaman
 - C Cetakan tampalan
 - D Cetakan stensil

Soalan nombor 22 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah

22



Gambarajah di atas merupakan kaedah menyediakan skrin untuk cetakan. Apakah jenis cetakan ini?


- A Cetakan skrin profilem
- B Cetakan skrin foto
- C Cetakan kertas pendua
- D Cetakan skrin leker

23 Dalam cetakan stensil, warna yang dicetak akhir sekali ialah

- A Warna yang paling muda
- B Warna yang paling gelap
- C Warna kebiruan
- D Warna putih

Soalan nombor 24 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah

24



Ilustrasi di atas menunjukkan cetakan jenis

- A Cetakan timbulan
- B Cetakan benaman
- C Cetakan planografi/Litografi (datar)
- D Cetakan stensil

Soalan nombor 25 – 28 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah

Gambar

25 Namakan pelukis dan tahun penghasilan karya _____

26 Lekapan untuk kemasan _____

27 Siri cetakan _____

28 Tajuk cetakan _____

Soalan nombor 27 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah




29 Telitikan lukisan dalam rajah di bawah. Pilih pernyataan yang benar

- I Gambar menunjukkan kraf tempatan dimensi baru
 - II Hasil kraf menggabungkan kraf tembikar dan tenunan songket
 - III Motif hiasan pada kaki lampu dipersembahkan dalam gaya tradisional
 - IV Motif hiasan berdasarkan bunga anggerik
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Soalan nombor 30 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah



- 30 Ilustrasi dalam rajah menunjukkan ukiran burung kenyalang yang sering dilihat pada tiang sandong di tempat kediaman kaum Iban di Sarawak. Ukiran Kenyalan digunakan untuk
- I menyambut Gawai Burung
 - II menghormati Singgalang Burung dan suruhannya
 - III tujuan peperangan antara kaum dan puak
 - IV melambangkan kesucian
- A III sahaja
B I dan II
C I, II dan III
D I, II dan IV
- 31 Ilustrasi dalam rajah menunjukkan lakaran bahagian tangga serambi sebuah rumah Melayu tradisional. Apakah fungsi tempayan dan gayung di situ?



- A Untuk menyiram tumbuhan di halaman rumah mereka
- B Untuk mencuci tangan dan kaki selepas bekerja di luar rumah
- C Untuk membasuh muka dan menyejukkan badan apabila hari panas
- D Untuk mencuci kaki sebelum naik ke rumah


Soalan nombor 32 adalah berdasarkan ilustrasi di bawah



32 Apakah fungsi tumbuhan dalam landskap bangunan sebuah sekolah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas?

- I Memberi teduhan
 - II Membentuk ruang dan mengarah pergerakan
 - III Melembutkan pemandangan senibina
 - IV Sebagai tumpuan
- A I dan II
B III dan IV
C I dan III
D II dan IV


Soalan nombor 33 adalah berdasarkan rajah di bawah



- 33 Rajah Q menunjukkan suatu sudut ruang tamu. Tempat yang ditandakan X merupakan penjuru yang akan diletakkan pasu tumbuhan. Antara berikut, pilih jenis tumbuhan yang paling sesuai berdasarkan kesesuaian rupa bentuk tumbuhan, cara pemeliharaan, kos penjagaan di samping nilai estetikanya




Sesuaikan bahagian-bahagian kain batik sarung dalam gambar rajah di bawah dengan nama yang dinyatakan dalam soalan 34 sehingga nombor 37



- 34 Kaki kain _____
- 35 Kepala kain _____
- 36 Pengapit kain _____

37 Badan kain _____

38



Sarung keris Semenanjung dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu

I Kepala

II Sampir

III Batang

IV Badan

V Buntut

A I, III dan V

B I, II dan IV

C I, IV dan V

D II, III dan V

39 Institusi yang membantu dalam memelihara, melatih, menggalak, mempopularkan dan memperkenalkan hasil kraft tradisional ialah

I MARDI

II KARYANEKA

III MUZIUM NEGARA

IV Perbadanan Kraft Malaysia

A I dan II sahaja

B I, II dan III sahaja

C II, III dan IV sahaja

D Semuanya

40 Institut yang ditubuhkan pada tahun 1922 ini bertanggungjawab menyediakan guru-guru Pendidikan Seni di Sekolah Rendah Melayu pada tahun 1930-an dan 1940-an

A Maktab Perguruan Ilmu Khas

B Institut Teknologi Mara

C Institut Perguruan Sultan Idris

D Institut Seni Lukis Malaya

SOALAN TAMAT. SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh :

.....
Pn Aminah Bt Wahid @ Abdul Wahid

Disahkan oleh:

.....
Pn Hjh Salimah Bt Hj Jafri
GPK (Akademik)
SMK Saujana Impian , Kajang